

14/09/1999

Intaz anjur Majlis Santapan Malam

KUALA LUMPUR, Isnin - Institut Tengku Ampuan Afzan (Intaz) akan menganjurkan Majlis Santapan Malam sempena sambutan perayaan Jubli Perak pemerintahan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada 8 Oktober depan.

Majlis yang akan diadakan di Hotel Mandarin Oriental itu dijangka dihadiri Sultan Pahang; Sultanah Kalsom; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Pengerusi Majlis Santapan Malam, Toh Puan Mahani Daim, berkata majlis santapan itu juga diadakan bagi tujuan mengutip derma bagi menambah dana Intaz yang ditubuhkan pada 1995.

Katanya, dana Intaz yang ditubuhkan bagi memperingati jasa dan sumbangan Almarhum Tengku Ampuan Afzan kepada program kebajikan rakyat, akan digunakan bagi membiayai program anjuran institut berkenaan.

"Majlis ini juga diharapkan dapat mengeratkan hubungan kakitangan Intaz dengan ibu bapa serta orang ramai serta memperkenalkan program kelolaan Intaz," katanya pada sidang akhbar di Yayasan Seni Berdaftar, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah Intaz, Tengku Mariam Sultan Ahmad Shah dan Pengarah Eksekutif Intaz, Datuk Dr Noor Laily Abu Bakar.

Mahani berkata, majlis itu juga menjadi agenda untuk menyedarkan masyarakat mengenai kewujudan dan peranan Intaz dalam program pembangunan kanak-kanak dan institusi keluarga.

(END)